

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PERASMIAN KURSUS PENGLIBATAN MASYARAKAT DALAM MEMERANGI WABAK
NAJIS DADAH
Lokasi : DEWAN JUBLI PERAK SULTAN ABDUL AZIZ BGN SSAAS, SA, SELANGOR
Tarikh : 28-10-1987

Bismillahir rahmanir rahim Yang Amat Berhormat, Dato Hj. Muhammad bin Mohd. Taib, Menteri Besar
Selangor;

Yang Amat Berbahagia, Datin Asbi Rohani bte Asnan, Pengerusi BALKIS;

Dif-dif Kehormat Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam bahagia.

Saya mengucapkan terima kasih kepada BALKIS kerana telah memberi penghargaan kepada saya untuk menyampaikan ucapan di Majlis ini dan seterusnya merasmikan Kursus Penglibatan Masyarakat Dalam Memerangi Wabak Najis Dadah.

2. Masalah dadah yang kita hadapi pada asasnya ialah berkaitan dengan penagihan dadah, di mana heroin menjadi bahan dadah utama yang digunakan. Masalah ini bertambah rumit dengan kedudukan negara kita yang berhampiran dengan kawasan pengeluaran dadah iaitu kawasan Tiga Segi Maut atau yang dahulu dikenali sebagai Tiga Segi Emas, yang terletak di sempadan bersama negara Thailand, Burma dan Laos. Lokasi fizikal negara kita, infrastruktur dan sistem komunikasi kita yang baik membuatkan negara kita sebagai satu negara yang sesuai dijadikan sebagai negara perantaraan untuk penyeludupan dan pengedaran dadah ke dalam negara dan seterusnya ke lain negara. Negara kita merupakan satu negara yang terdedah, yang mempunyai garisan laut yang luas dan merupakan satu negara yang berkongsi sempadan dengan semua negara ASEAN.

3. Penggunaan dadah telah menular dengan begitu berleluasa di negara kita ini dan adalah sukar untuk membuat pengukuran yang tepat sejauh mana penggunaan dadah telah merebak dalam masyarakat kita. Mengikut amalan, bilangan orang-orang yang baru dikesan sebagai penagih dadah pada setiap tahun, atau anggaran bilangan penagih yang dikesan pada keseluruhannya, digunakan sebagai petunjuk. Namun demikian, beberapa faktor lain perlu juga dipertimbangkan untuk mengukur masalah dan implikasi yang dihadapi. Dua faktor lain mungkin boleh diambil kira untuk mengukur masalah dan implikasi ini. Pertama, besarnya masalah yang dihadapi juga bergantung kepada jenis dadah yang digunakan; dan keduanya, besarnya masalah yang dihadapi adalah bergantung kepada kekerapan penggunaan dan kuantiti dadah yang digunakan.

4. Masalah penagihan dadah telah merebak seperti satu wabak di dalam negara kita. Sebagai petunjuk betapa merebaknya masalah ini ialah pada tahun 1970, hanya seramai 711 penagih dadah telah dikesan. Perangkaan semasa menunjukkan bahawa sehingga bulan Ogos 1987, bilangan ini telah meningkat ke seramai 125,967 penagih; satu peningkatan yang banyak dalam tempoh masa tujuh belas tahun sahaja. Negeri-negeri yang mengalami masalah penagihan yang paling ketara ialah Pulau Pinang, Perak, Wilayah Persekutuan, Selangor dan Johor iaitu negeri-negeri di mana terletak kawasan-kawasan perbandaran. Namun demikian, keadaan penagihan telah mula merebak ke kawasan-kawasan luarbandar.

5. Dari tahun 1976 sehingga bulan Ogos 1987 ini, daripada 113,499 penagih dadah yang dikesan, seramai 12,473 orang adalah dari Negeri Selangor Darul Ehsan. Jumlah ini adalah sebanyak 11% daripada jumlah penagih yang dikesan dan negeri ini didapati mempunyai bilangan penagih dadah yang kelima besarnya selepas negeri-negeri Pulau Pinang, Perak, Johor dan Wilayah Persekutuan. Gejala ini tidak boleh dipandang ringan para pemimpin dan anggota-anggota dalam masyarakat, khususnya bagi negeri ini.

6. Sepertimana yang tuan/puan telah sedia maklum pada tahun 1983, Kerajaan telah mengisytiharkan

masalah dadah sebagai satu ancaman kepada keselamatan negara. Berikutan dengan pendekatan keselamatan itu, jentera-jentera keselamatan telah digunakan di setiap peringkat dalam usaha merancang, menggerak, menyelaraskan serta mengawasi tindakan-tindakan anti dadah di dalam negara. Langkah-langkah dalam semua bidang, termasuk perundangan dan penguat-kuasaan, rawatan dan pemulihan, pendidikan pencegahan dan penyelidikan, latihan dan kerjasama antarabangsa, untuk memerangi kegiatan penagihan dan pengedaran dadah telah dipertingkatkan.

7. Salah satu strategi Kerajaan untuk menghapuskan gejala dadah di negara kita ini adalah melalui pencegahan awal yang memberi penekanan kepada usaha-usaha mewujudkan suatu keadaan yang dapat menyekat anggota masyarakat daripada terlibat dengan penggunaan dadah. Usaha-usaha ini termasuklah:

(a) Pembentukan pemikiran di kalangan generasi muda supaya mempunyai nilai-nilai dan sikap yang boleh mencegah daripada kegiatan penagihan;

(b) Pengubahan sikap dan persepsi masyarakat terhadap kegiatan dadah;

(c) Penyediaan alternatif yang berfaedah yang dapat menyekat masyarakat daripada terlibat dengan dadah; dan,

(d) Pembentukan suasana sekitar yang menjadikan dadah suatu perkara yang jelek dan jijik.

8. Sudah tentulah usaha Kerajaan sahaja tidak akan mencukupi untuk mencapai objektif tersebut dalam usaha memerangi wabak dadah. Sebenarnya, tanggungjawab untuk membasmi dadah bukanlah terletak di bahu Kerajaan sahaja.

Masyarakat perlu menggembungkan tenaga untuk sama-sama menghapus dan mencegah dadah. Masalah dadah juga adalah masalah daripada masyarakat dan masyarakat perlu mengambil tanggungjawab dan peranan yang lebih berkesan dalam membantu usaha Kerajaan menjadikan negara ini bebas daripada dadah.

Tuan-tuan dan puan-puan

9. Saya bersyukur ke hadrat Illahi dan mengucapkan syabas kepada BALKIS yang telah mengorak langkah permulaan untuk menganjurkan kursus ini dalam usaha mengumpulkan kumpulan-kumpulan tertentu dalam masyarakat, memupuk kesedaran di kalangan masyarakat atau ibubapa mengenai peranan mereka dalam mencegah penggunaan dadah, mengenal pasti dan menyusun strategi yang lebih konkrit dan praktikal untuk dilaksanakan secara kumpulan atau individu di peringkat keluarga dan masyarakat.

10. Sukalah saya berseru di sini supaya Kursus ini juga akan berjaya menanamkan semangat dan sikap di kalangan peserta-peserta untuk melihat apakah peranan yang boleh dimainkan oleh peserta-peserta sendiri selepas menghadiri Kursus ini.

11. Ini bermakna tidaklah perlu kita membuat banyak rumusan tentang apa yang patut dibuat oleh Kerajaan. Fikirkanlah apa yang boleh kita mainkan terlebih dahulu untuk menjayakan matlamat strategi pencegahan awalan. Saya rasa banyak aktiviti-aktiviti yang boleh kita rancang untuk ibubapa dan masyarakat. Mesej-mesej yang boleh diberikan kepada ibubapa termasuklah:

(a) mendidik dan menanam ke dalam diri anak-anak supaya membenci dadah;

(b) menunjukkan teladan yang baik kepada anak-anak;

(c) mendidik anak-anak supaya bersifat membina;

(d) membantu anak-anak menentang desakan rakan-rakan sebaya untuk menggunakan dadah;

(e) melengkapkan diri sendiri dengan pengetahuan mengenai dadah dan petanda-petanda penggunaan dadah;

(f) ibu bapa perlu memahami garis panduan tindakan yang perlu diikuti dan dipatuhi sekiranya mengesyaki anak-anak terlibat dengan dadah;

(g) bekerjasama dengan pihak sekolah dan pihak berkuasa dalam usaha memerangi dadah;

(h) melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti masyarakat dan memberi sumbangan yang bererti sama ada daripada segi moral, kepakaran dan sebagainya untuk mencegah dan mengawal wabak dadah; dan,

(i) berbagai-bagai aktiviti lagi dan mesej kepada ibu bapa dan anggota masyarakat supaya mereka dapat meningkatkan penyertaan dan sumbangan untuk menjadikan negara ini bebas daripada dadah.

12. Ini adalah penting kerana dadah bukan lagi menjadi ancaman kepada negara kita, malah ianya telahpun, sedang dan akan terus mengancam dan menyeret kita ke kancah kebinasaan selagi kita masih belum merasai kepedihan dan kesannya atau menunggu kita semua terjerumus dalam kancah tersebut.

13. Inginlah saya mengingatkan peserta-peserta kursus bahawa tugas saudara-saudari akan menjadi lebih mencabar lagi selepas menjalani Kursus ini. Sekiranya sebelum ini saudara-saudari kurang memberi perhatian kepada masalah dadah, maka selepas ini saudara-saudari diharapkan akan menjadi lebih peka dan akan dapat memainkan peranan yang lebih aktif dan lebih berkesan bukan sahaja untuk menyedarkan diri, keluarga dan anggota-anggota masyarakat, tetapi juga untuk merangka dan melaksanakan program-program pencegahan dalam masyarakat. Masa kita bertindak telah tiba dan ianya akan bermula sebaik-baik sahaja saudara-saudari melangkah keluar dari dewan ini untuk pulang ke daerah atau tempat masing-masing. Tindakan kita perlu dilihat dalam bentuk aktiviti dan akhirnya pada hasil yang akan dicapai nanti.

14. Akhir sekali sukaah saya sekali lagi mengucapkan syabas kepada BALKIS yang telah menganjurkan Kursus ini.

Saya juga berharap BALKIS akan dapat menentukan supaya program-program yang dirancang di lain-lain peringkat dapat dilaksanakan dengan jayanya, Insya-Allah.

15. Dengan harapan ini dan dengan nama Allah Subhanahu Wataala, saya dengan sukacita merasmikan Kursus Penglibatan Masyarakat Dalam Memerangi Wabak Najis Dadah ini. Semoga Allah Subhanahu Wataala memberkati usaha-usaha murni BALKIS ini jua.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.